## Lampu Awam

LAMPU awam adalah lampu yang dipasang di tiang elektrik tepi jalan dan bertujuan untuk menerangkan kawasan jalan. MBMB akan hanya mempertimbangkan permohonan di bawah kategori berikut:

1. Bagi kawasan bandar di mana ianya boleh dipertimbangkan dan boleh diluluskan bagi setiap tiang TNB.
2. Bagi kawasan luar bandar ianya mestilah di tepi dan simpang jalan dan boleh dipasang bagi setiap selang tiang dan tidak semestinya untuk menerangkan kawasan rumah-rumah di kawasan perkampungan.

Setiap permohonan hendaklah disalurkan melalui Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) dan MBMB akan hanya mempertimbangkan permohonan yang telah mempunyai tiang elektrik. Bagi permohonan tiang baru permohonan hendaklah disalurkan kepada pihak TNB.

## Jalan

1. Pihak MBMB hanya akan memproses permohonan bagi jalan-jalan dalam kawasan bandaraya sahaja iaitu meliputi 4.2 batu persegi.
2. Bagi jalan-jalan di kawasan luar bandar, segala perkhidmatan adalah di bawah tanggungjawab Pejabat Daerah dan bagi jalan-jalan utama di kawasan luar bandar di bawah tanggungjawab Jabatan Kerja Raya (JKR).

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

**JABATAN KEJURUTERAAN**
MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH,
Graha Makmur, No. 1,
Lebuh Ayer Keroh, 75450 Melaka.
Tel: 06-2326411 samb. 555 Faks: 06-2325716
Laman web: http://www.mbmb.org.my

"Esok Bermula Hari Ini"



MAJLIS BANDARAYA MELAKA BERSEJARAH

# KELULUSAN

# Pelan Kerja Tanah, Jalan Dan Parit Serta Permohonan Kemudahan Awam



Jabatan Kejuruteraan

MBMB dengan kuasa di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) dan Undang-Undang Kecil Kerja Tanah, Seksyen 70A, bertanggungjawab meluluskan dan mengawal setiap kerja-kerja tanah di bawah bidang pentadbirannya.



**1. Mengapa Pelan Kerja Tanah, Tambakan Atau Potongan Perlu Diluluskan Oleh MBMB sebelum Dilaksanakan?**

1.1 Menentukan kerja-kerja tanah yang dilakukan secara tambakan atau potongan mematuhi kehendak dan undang-undang MBMB.

1.2 Menentukan kerja-kerja tanah yang dibuat sesuai, selamat dan tidak melibatkan kacau ganggu kepada orang awam.

1.3 Menentukan kerja-kerja tambakan atau potongan tidak menjejaskan infrastruktur asas seperti jalan, parit dan sebagainya.

**2. Bagaimana Mendapatkan Kelulusan Pelan Kerja Tanah, Jalan Dan Parit?**

2.1 4 set pelan yang dibukukan dengan lengkap perlu dikemukakan oleh Jurutera Perunding (Awam) yang berdaftar beserta borang permohonan yang ditetapkan oleh MBMB.

2.2 Borang-borang boleh didapati dari Jabatan Kejuruteraan iaitu Borang Kerja Tanah (PK-JKP-01-R1) dan Borang Jalan dan Parit (PK-JKP-02-R1) dengan harga RM2.00 senaskhah yang akan menerangkan semua keperluan Jabatan Kejuruteraan, MBMB sebelum kelulusan diberikan.

2.3 Berikutan pengiktirafan MS ISO 9002 yang diperolehi oleh MBMB, setiap keperluan dan syarat di dalam borang berkaitan perlulah dilengkapkan. Bagi permohonan yang tidak lengkap, ia tidak akan didaftarkan sehingga semua keperluan seperti tercatit di borang berkaitan dipatuhi.

2.4 Pemohon dikehendaki memahami syarat-syarat permohonan yang ditetapkan agar permohonan kelulusan pelan-pelan berkenaan dapat diluluskan mengikut Piagam MBMB. (Permohonan yang lengkap akan diluluskan selewat-lewatnya 8 minggu - Jalan dan Parit dan 2 hari - Kerja Tanah)

**3. Bayaran Proses**

3.1 Pastikan anda membuat bayaran proses ketika pendaftaran permohonan.

- Bayaran proses bagi pelan kerja tanah - RM100.00/ekar
- Bayaran proses pelan jalan dan parit - RM100.00 setiap permohonan

3.2 Bagi permohonan kerja tanah, bayaran deposit kerja tanah perlu dibayar semasa permohonan dikemukakan. Wang deposit kerja tanah adalah sebanyak 10 kali ganda bayaran proses iaitu dalam bentuk Bank Draf/Cek. Deposit ini adalah untuk memastikan pihak pemaju menjaga kebersihan dan juga keselamatan harta benda awam semasa kerja-kerja dijalankan. Sekiranya berlaku kacau ganggu atau kerosakan harta benda awam dan tidak mematuhi syarat-syarat SKKT, pihak MBMB berhak untuk menuntut bayaran ganti rugi melalui wang deposit ini dan ianya tidak akan dikembalikan.



## Perhatian

- Adalah menjadi satu kesalahan di bawah Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133) dan di bawah Sek. 70A, Undang-Undang Kecil Kerja Tanah MBMB, sekiranya kerja-kerja tanah, jalan dan parit dijalankan tanpa terlebih dahulu mendapat kelulusan MBMB.
- Kerja-kerja tersebut boleh diberhentikan serta-merta dan dikenakan denda tidak kurang daripada RM500.00 bagi kesalahan pertama.
- Bagi kerja-kerja tanah kecil-kecilan pihak pemohon boleh membuat permohonan melalui borang khas dan bayaran proses deposit yang sama dengan kerja tanah sebelum MBMB memberi kelulusan dengan syarat SKKT dan syarat-syarat lain yang difikirkan wajar.

## Kemudahan Awam Dan Cara-Cara Memohon

UNTUK menjamin kesempurnaan hidup rakyat, MBMB boleh menyediakan kemudahan-kemudahan awam untuk dipohon oleh rakyat seperti:

1. Pembinaan jalan/tampalan dan turapan jalan.
2. Perparitan dan pembetongan jalan.
3. Lampu Awam.



Pihak MBMB akan hanya memproses permohonan yang telah memenuhi syarat-syarat berikut:

i. Kawasan permohonan adalah di bawah bidang kuasa MBMB.

ii. Permohonan adalah bagi perparitan tanah untuk buangan air kumbahan rumah kediaman dan bukannya "perparitan pertanian".

iii. Telah mendapatkan kebenaran tuan tanah (bagi lot-lot tanah yang terlibat).